# PMR 2010

# SEJARAH

# 100% TIPS

**www.andrewchoo.edu.my**

MENGIKUT SUKATAN
LEMBAGA PEPERIKSAAN MALAYSIA

**Copyright © 2010 Andrew Choo (M) Sdn. Bhd**
**All rights reserved.**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

| TIPS BILANGAN SOALAN YANG KELUAR TAHUN 2010 | |
|---|---|
| **TINGKATAN SATU – baca kesemua nota yang dibekalkan terutamanya bab 5, 6, 7 & 9** | **TIPS 2010** |
| **1. Sejarah dan Kita** | 1 |
| **2. Zaman Prasejarah** | 1 |
| **3. Kerajaan Awal di Asia Tenggara** | 1 |
| **4. Pengasasan Kesultanan Melayu** | 1 |
| **5. Kegemilangan Melaka** | 2 |
| **6. Kemerosotan Melaka** | 2 |
| **7. Johor menegakkan Semula Kewibawaan Kesultanan Melaka** | 2 |
| **8. Kerajaan Negeri-negeri Melayu** | 1 |
| **9. Warisan Kesultanan Melayu** | 2 |
| **10. Sarawak** | 1 |
| **11. Sabah** | 1 |
| **JUMLAH** | **15** |

Nota ini tidak banyak, tetapi memadai untuk menjawab hampir 100% kesemua soalan-soalan PMR dari tahun 2005 hingga 2010.

Contohnya 05 untuk tahun **2005** dan 06 untuk tahun **2006**.

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

# Nota 'Exam Tips' Sejarah

| TINGKATAN 1 | BAB 1 SEJARAH DAN KITA |
|---|---|

**Sumber Sejarah** (perlu dibuat taksiran, pemilihan, pertimbangan dan penyelidikan saintifik untuk membuktikan kebenaran / mempunyai sebab dan akibat)

1. **Sumber Pertama / primer** memberi gambaran tentang perabadan sesebuah masyarakat. **09**
   a. **artifak / monumen** / bahan tinggalan sejarah terdapat di **Tapak Bandar Kedah Tua** dan **Candi Lembah Bujang**.
   b. manuskrip, surat khabar sezaman (disimpan di **Arkib Negara**)
   c. batu bersurat di Kuala Terengganu ( menunjukkan tarikh kedatangan Islam dan penemuan tembaga purba pada kurun ke-13 dengan tulisan al-Quran) **06**
   d. Dairi / Buku harian, surat peribadi, minit-minit mesyuarat dan fail rasmi kerajaan.
2. **Sumber Kedua / sekunder** (fakta yang telah **diolah** / diterbitkan)
   - Laporan, majalah, jurnal, risalah, kajian dan ensiklopedia. **08**
3. **Kaedah mendapat sumber sejarah**

| | | |
|---|---|---|
| i. | Kaedah **LISAN** (temubual, ucapan) | tiada kebenaran atau kesahihan dan diragui kerana ditokok tambah dan mempunyai mitos, dongang dan lagenda. **06/07** |
| ii. | Kaedah **BERTULIS** | penulisan ahli sejarah dahulu seperti manuskrip. |
| iii. | Kaedah **ARKEOLOGI** (cari gali) | Sumber sebenar, seperti: fossil, batu bersurat dan artifak di gua. **05** |

| TINGKATAN 1 | BAB 2 ZAMAN PRASEJARAH |
|---|---|

1. **Kajian sejarah penting** untuk : **06**

| | |
|---|---|
| - Mengenali budaya<br>- Menerokai tamadun | - Menghargai khazanah<br>- Memupuk perasaan cinta kepada negara. |

2.

| Zaman | Ciri-ciri |
|---|---|
| **Paleolitik** | mempunyai **peralatan batu**, kubur lama, lukisan lama di **Gua Niah** di Sarawak, **Bukit Jawa**, **Kota Tampan** dan Manusia Perak di Gua Gunung Runtuh di Perak, **Tingkayu** di Sabah. Hidup berpindah-randah. **05/08** |
| **Neolitik** | mencipta **barang perhiasan**, **peralatan tembikar**, berdagang secara tukar barang (Sistem Barter) **06/07** |
| **Logam** | **peralatan logam** (gangsa / besi) dan mula **berdagang** (pelabuhan / sungai) **09** |

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

## TINGKATAN 1 | BAB 3 KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

1. **Pelabuhan Awal (entreport ) / Kerajaan Maritim (tertumpu di muara sungai / mahir membina kapal / pusat perdagangan).** **07**
   i. **Kedah Tua** di **Tanah Melayu**, Kuala Selinsing, Santubong, Srivijaya, Majapahit maju kerana **keberkesanan pentadbiran** yang sistematik.
   ii. tiada pengeluaran hasil tempatan / **tiada tanah subur** atau hasil bumi.
   iii. dipengaruhi **agama Hindu – Buddha** melalui kegiatan perdagangan. **08**
2. **Palembang, Majapahit dan Melaka**
   - berkembang menjadi pusat perdagangan dan menguasai perdagangan India-China
   - pentadbiran yang sistematik
3. **Srivijaya berkembang**
   a. menyebarkan agama Hindu ke Champa, Angkor, Majapahit
   b. mendapat bahan mentah seperti rempah-ratus **secara penaklukan** dan **berhubung dengan penduduk di pedalaman** **09**
   c. mempunyai pentadbiran diraja, tentera dan daerah. **05**
   d. Menguasai perdagangan di Selat Melaka, Selat Sunda dan Laut Jawa dengan menakluk kerajaan-kerajaan lain.
4. **Kerajaan Agraria (negara pertanian dan penternakan) -** seperti Angkor dan Funan di pedalaman. **04**

## TINGKATAN 1 | BAB 4 PENGASASAN KESULTANAN MELAYU

1. **Keazaman Parameswara membentuk Kerajaan sendiri**
   i. cuba membebaskan Palembang dari Majapahit dan melarikan diri ke Temasik akibat diserang oleh Majapahit. **08**
   ii. Diselamatkan oleh Temagi, pemerintah Temasik tetapi membunuh Temagi, kerana hendak menjadi pemerintah Temasik. Parameswara mendakwa Temasik pernah menjadi naungan Palembang.
   iii. Dibantu oleh orang Laut yang berasal dari Bentan, Temasik dan Lingga(mengikut laporan **Tome Pires**)
2. **Kemajuan Kesultanan Melaka** (daripada perkampungan nelayan menjadi pelabuhan antarabangsa) **05**
   a. Keberkesanan sistem **pentadbiran** / kepimpinan / kebijaksanaan pemerintah / kewibawaan dan berwawasan. **06/07**
   b. menghantar ufti kepada Siam untuk **mengelakkan ancaman**.
   c. menyediakan **kemudahan urusniaga** dan pelabuhan menyimpan barang dan mengumpul hasil keluaran.
   d. memperkenalkan cukai **berpatutan** (**keutamaan)**
      - pedagang Cina tidak perlu membayar cukai sebaliknya memberi hadiah dan pedagang India membayar 6% cukai manakala pedagang Arab 3% (berdasarkan hubungan antara pemerintah).
   e. pengeluaran **surat kebenaran** untuk **berurus niaga** kepada pedagang (surat ini

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

memudahkan urusan perdagangan dan memberi sumber pendapatan kepada Melaka).

f. menubuhkan **angkatan laut yang kuat (orang laut)** untuk **menjamin keamanan**

g. beras diimport masuk dari Siam ke Melaka tanpa cukai untuk menampung keperluan makanan / penduduk.

h. kedudukan yang strategik membawa kemajuan Melaka. **09**
   - bukit-bukau sesuai untuk **panduan kapal** dan sebagai **kubu pertahanan**
   - terdapat pokok api-api dan bakau untuk ketahanan (Rahmat / **kesyukuran** daripada Tuhan ) **07**
   - laut yang dalam dan pantai terlindung (tetapi tiada tanah subur atau hasil laut).

i. Kesan hubungan diplomatik dengan China akibat lawatan Laksamana Yin Ching dan Cheng Ho (**Melaka dilindungi / keselamatan terjamin** / penghantaran ufti ditamatkan dan bebas daripada ancaman Siam dan Majapahit. Perdagangan meluas antara Negara China dan Melaka). **05/07**

j. Mengubal **Undang-undang** Laut yang berkesan untuk menjaga **keamanan.**

4. **Pembesar Melaka** **08/09**

| **Pembesar Melaka** | **Tugas** | **Kawasan Pegangan untuk Sokongan Taat Setia kepada Sultan** |
|---|---|---|
| **Bendahara** | - Pemangku Sultan/Perdana Menteri<br>- Penasihat Raja<br>- Ketua Hakim<br>- Ketua Angkatan Perang | Muar dan Bentan |
| **Bendahari** | - Urusetia Istana<br>- memungut hasil/ufti<br>- Ketua Syahbandar | Sening Ujung dan Kampar |
| **Temenggung** | - Ketua Polis/Hakim darat<br>- Ketua Protokol Istana | |
| **Laksamana** | - Ketua Angkatan Laut<br>- Ketua Duta/utusan<br>- Pengawal Peribadi Raja | Temasik |
| **Syahbandar** | - Urus cukai<br>- Keselamatan pedagang<br>- Mengawal sistem timbangan | Sungai Raya dan Siantan |

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

## TINGKATAN 1 BAB 5 KEGEMILANGAN MELAKA

1. **Kesan Hubungan Diplomatik dengan China** (Hasil lawatan Laksamana Yin Ching dan Cheng Ho).
   a. penghantaran ufti ke Siam ditamatkan
   b. Raja Melaka dapat **pengiktirafan** daripada Raja China (sepesalinan baju sutera, cop mohor dan payung kuning). Negara China mendapat perdagangan di Selat Melaka. Kedaulatan terjamin. **05/09**
   c. Melaka berkembang menjadi pusat perdagangan
   d. **dilindungi** oleh China (**keselamatan** negeri terjamin). Bebas daripada ancaman Siam dan Majapahit. **07**
2. **Bahasa Melayu menjadi Lingua Franca di Kepulauan Melayu kerana merupakan :**
   a. bahasa rasmi Melaka
   b. bahasa perantaraan di Kepulauan Melayu
3. **Perluasan kuasa Melaka oleh Sultan Mansur Syah dan Muzaffar Syah**
   a. Kedah, Pattani, dan Beruas **secara sukarela** menjadi jajahan takluk Melaka.
   b. **campur tangan politik** di negara Parsi sebagai **rakan setaraf** ( menolong Parsi mengalahkan Aru dan menumpaskan golongan perampas takhta). **06**
   c. **penaklukan** ke Tanah Melayu, Riau-Lingga, dan pantai timur Sumatera dengan mengarahkan pentadbiran **kawasan pegangan** ini kepada **pembesar sendiri** untuk mendapatkan sokongan taat setia kepada Sultan.
   d. **perkahwinan politik** ke Pahang, Kedah, Kampar, Siak, dan Jambi
   e. **menakluk Siak** dan **Kampar** untuk mengawal **pengeluaran emas.**
4. **Ketokohan Bendahara Tun Perak**
   a. **Berwibawa** dan cekap dalam tugasnya – Digelar **pelantik raja** kerana **berkuasa dalam pemilihan raja**.
   b. tidak menderhaka walaupun anaknya, Tun Besar dibunuh oleh Raja Muhammad. Akibatnya, Raja Muhammad dibuang ke Pahang menjadi Sultan Pahang kerana Raja Muhammad tidak akan di pilih oleh Tun Perak sebagai waris Sultan Melaka.
   c. kepentingan negara melebihi keperluan keluarga dengan mengarahkan tenteranya membawa bersama keluarga ke medan perang untuk **menaikkan semangat** perjuangan tentera. **07**
   d. bijak dan cekap menghadapi serangan dengan mengikat beratus-ratus obor-obor pada pokok kelapa untuk menakutkan tentera Siam(kemantapan **strategi** yang bijak) **05**
5. **Undang-undang Laut Melaka**
   a. pegawai kiwi, jurubatu dan malim adalah **pembantu** nakhoda.**(**nakhoda ialah raja di laut**).**
   b. menyebabkan perniagaan berjalan lancar, **selamat** dan pelabuhan diurus dengan baik.
6. **Hukum Kanun Melaka**
   a. hak istimewa Raja
   b. tanggungjawab raja dan pembesar
   c. unsur Islam dalam pentadbiran
7. **Sultan Alauddin Riayat Syah –** kepimpinan melalui teladan dengan meronda pada waktu malam untuk menjaga keamanan / **keselamatan.**
8. **Penyebaran Islam oleh Melaka oleh Sultan Mansur Syah dan Muzaffar Syah** secara:
   a. penaklukan
   b. perdagangan (galakkan kepada pedagang asing)

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

c. askar upahan digalakkan
d. perkahwinan politik putera-puteri ke Pahang, Kedah, Siak dan Kampar
e. pendakwahan oleh ulama

9. **Sultan Mansur Syah dan Muzaffar Syah sangat berminat dalam persoalan agama.**
   **-** menghantar pembesar ke Parsi untuk mendapatkan jawapan tentang agama.

10. **Institusi Kesultanan Melaka**
   a. bertanggungjawab mengembangkan agama Islam di Melaka. **05/06**
   b. Istana dijadikan tempat pertemuan ulama, tempat perbincangan, menterjemahkan kitab Islam dan mempelajari agama Islam.
   c. Islam menjadi agama rasmi dan tulisan Arab dijadikan tulisan Jawi.

11. **Melaka** juga **digelar "Serambi Mekkah"**
   - tempat belajar urusan menunaikan Haji sebelum ke Mekkah.

12. **Islam datang ke Melaka secara :**
   a. Perkahwinan
   b. Pendakwahan
   c. Perdagangan

13. **Agama Islam mudah diterima kerana**
   a. Layanan istimewa daripada pemimpin
   b. Keutamaan diberi kepada saudara sejagat
   c. Prinsipnya mudah difahami

## TINGKATAN 1 | BAB 6 KEMEROSOTAN MELAKA

1. **Tindakan Sultan Muzaffar Syah mengatasi perpecahan dikalangan pembesar golongan Tamil-Islam**
   a. memujuk Tun Ali meletak jawatannya.
   b. menceraikan isterinya untuk dikahwin kepada Tun Ali
   c. melantik Tun Perak sebagai bendahara

2. **Kemerosotan Melaka akibat** :
   a. perebutan kuasa pembesar / masalah perpaduan **05**
   b. persaingan kaum Tamil Islam dan Melayu Islam.
   c. persengketaan pemerintah

3. **Tuntutan Alfonso kepada Sultan Muhd Syah** **07**
   a. dibebaskan tawanan Portugis
   b. dibayar ganti rugi
   c. dibenarkan membina kubu di Melaka (Melaka jatuh diserang oleh Portugis apabila tuntutan tidak dipenuhi oleh Sultan Muhamad Shah) **06**

4. **Rakyat Melaka bersatu padu merampas balik jambatan penting yang diserang oleh Portugis.**

5. **Buku Hikayat Muhammad Ali Hanafiah** dijadikan bahan cerita semasa Portugis menyerang Melaka untuk **menaikkan semangat juang** askar untuk mempertahankan Melaka. **05/08**

6. **Faktor – faktor kejatuhan Melaka.**
   a. Portugis menerima rahsia ketahanan daripada **Si Kitul**. **08**
   b. Penggantungan kepada askar upahan yang melarikan diri / berpaling tadah.
   c. Perpecahan masyarakat Melayu Islam dan Tamil Islam.
   d. Bantuan beberapa tongkang daripada pedagang Cina.
   e. Rebutan kuasa pembesar tempatan / masalah perpaduan.

7. **Faktor-faktor kejayaan Portugis menakluk Melaka:** **07**
   a. Tentera terlatih

WWW.ANDREWGHOO.EDU.MY

b. Kepimpinan Alfonso
c. Bantuan tongkang dari luar (orang Cina)
d. Senjata moden

8. **Kekuatan Portugis selama 130 tahun di Melaka kerana**
- kekuatan kubu A'famosa

| TINGKATAN 1 | BAB 7 JOHOR MENEGAKKAN SEMULA KEWIBAWAAN KESULTANAN MELAKA |
|---|---|

1. **Faktor-faktor kebangkitan Johor (kurun ke-16&17 ) kerana**
    a. kejatuhan Potugis di Melaka
    b. kemerosotan Acheh
    c. persahabatan dengan Belanda
    (Belanda memberi **keistimewaan perdagangan** di Selat Melaka kepada Johor kerana membalas jasa Johor membantu Belanda menyerang Potugis di Melaka)
    d. kecekapan/kebijaksanaan pemerintah Johor
    e. **kekuatan angkatan perang**
2. **Perang Tiga Segi (selama 100 tahun)**
    a. antara **Johor**, **Portugis** dan **Acheh** yang hendak **merebut perdagangan di Selat Melaka** **05**
    b. **Ibu negeri Johor berpindah sebagai strategi peperangan** kerana **ancaman luar**. Ibu kota Johor berpindah untuk mengelakkan serangan Acheh dan Portugis. **09**
    (**Sayung Pinang ⟶ Johor Lama ⟶ Kota Tinggi ⟶ Batu Sawar)**
    c. Perang Tiga Segi berakhir apabila Johor bergabung dengan Belanda dan berjaya mengalahkan Portugis di Melaka.
    d. Hasilnya, perdagangan Johor maju kerana Belanda memberi keistimewaan perdagangan kepada Johor.
3. **Orang Bugis** menguasai Johor secara berkahwin dengan puteri Johor, mencampuri urusan pentadbiran Johor dan menyebabkan kemerosotan kerajaan Johor. **07 / 08**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

# Kerajaan NNM

## Tua

### Kedah
- menghantar ufti kepada Siam untuk keselamatan
- menghantar ufti kepada Burma apabila Burma telah menawan Siam (Siam dibawah naungan Burma)
- dipanggil Cheh-Cha oleh orang Cina.

### Perak
- kuasa luar seperti Belanda dan Acheh hendak merebut kekayaan **Bijih Timah** di Perak. **06 / 09**
- **Adat Temenggung** lebih Autokratik, mengenakan hukuman berat mengikut Hukum Syarak untuk pengajaran.

### Pahang
- kuasa Bendahara Pahang kuat menyebabkan pengaruh Bugis lenyap di Pahang
- Sultan Pahang menggubalkan **undang – undang Pahang** 'Daulat dan Derhaka' untuk mengukuhkan kedudukan raja.

## Baru

### N.Sembilan
- negeri pertama yang terdiri daripada **persekutuan** (gabungan beberapa daerah).
- **Adat Pepatih** lebih **demokrasi** / muafakat dan setiap orang terikat kepada peraturan. **08**
- Hukuman untuk pemulihan

### Terengganu

### Selangor

### Kelantan
- menghantar ufti / bunga emas kepada Siam untuk mengelakkan ancaman Terengganu.
- **06 / 07**
- Cukai kepala dikenakan ke atas rakyat untuk membuat bunga emas. **09**

## TINGKATAN 1 BAB 9 WARISAN KESULTANAN MELAYU

1. a. Penggunaan **mata wang** Tradisional penting untuk **kegiatan perdagangan / entreport**.
   b. Contoh-contoh mata wang ialah : **05**
   - Bidor (di Perak)
   - Mas dan Kupang (di Johor)
2. Sastera Lisan seperti Cerita Jenaka, Penglipur Lara dan Binatang adalah berbentuk **hiburan** dan **pengajaran.**
3. Kegiatan perdagangan Orang Melayu merosot pada kurun ke-19 kerana kegiatan perdagangan dibolot oleh Kuasa Barat.
4. Pendidikan awal (tidak formal) mementingkan agama, adat, pertukangan tangan dan asas **kemahiran** untuk berdikari.
5. Ukuran **jarak** jauh masyarakat Tradisional Melayu ialah seperti **sepelaung, sepekan atau setanak nasi.**
6. Ukuran **panjang** ialah **hasta, depa, dan jengka.**
7. Ukuran **berat** ialah **cupak, gantang, dan tahil.**
8. **Cukai Kepala –** dikenakan ke atas rakyat untuk membuat bunga emas oleh Kedah, Terengganu dan Kelantan.
9. **Sistem Serah –** memberi sebahagian daripda hasil tanaman kepada pemerintah. **06**
10. **Sistem Kerah –** dipaksa bekerja tanpa upah.

## TINGKATAN 1 BAB 10 SARAWAK

1. **Sistem keadilan orang Kadazan** (untuk menjamin kesejahteraan / mengeratkan hubungan) **08**

a.

| Jenis jenayah | Bentuk ganti rugi digelar |
|---|---|
| Perbuatan sumbang | Kepanasan |
| Melakukan pergaduhan | Babas |
| Merosakkan harta benda | Sogit |

b. **Malapetaka** akan menimpa sekiranya undang-undang tidak dipatuhi.

2. **Rumah panjang –**
   - petempatan bagi masyarakat suku kaum Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan, dan Kadazan
   - **Satu unit perkampungan**, bersatu padu, keluarga besar dan aman damai
   - ketua dipanggil **Tuai Rumah** berfungsi: **08**
     a. Menetapkan hari perayaan / pesta.
     b. Menjaga keamanan
     c. Menyelesaikan masalah anak buahnya.
3. **Alat muzik Tradisional masyarakat**
   a. **Gulieng** – Serunai orang Iban
   b. **Bilikan** – alat muzik orang Iban
   c. **Kaloree** – alat muzik orang Penan
4. **Orang Penan** mempunyai **kepercayaan kolot** - tidak boleh hidup menetap, setiap kali berpindah apabila berlaku kematian. **05 / 09**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY

- dilarang menebang pokok besar atau melapangkan hutan.

5. **Hari Gawai** ( Tadau Keamatam) – upacara **kesyukuran** selepas menuai padi.
6. Orang Iban mengamalkan amalan menyemah tanah dan tidak membina rumah apabila terdengar bunyi burung ketupung. **07**

7.

| **Pribumi** | **Kegiatan** | Kegiatan ekonomi pribumi dipengaruhi oleh **sumber alam, bentuk muka bumi** dan **penempatan**. **05 / 06** |
|---|---|---|
| Iban | Padi huma | |
| Kelabit | Memungut hasil hutan | |
| Melanau | Menangkap ikan | |
| Bidayuh | Melombong antimoni | |

## TINGKATAN 1 | BAB 11 SABAH

1. **Bajau di Sabah**
   a. penunggang kuda yang cekap / pahlawan berani
   b. suka amalan bergotong-royong
   c. mengamalkan upacara ngeduang (bertukar-tukar makanan pada Hari Raya).

2.

| **Pribumi** | **Ekonomi** |
|---|---|
| Kadazan | Menanam padi |
| Bajau | Pelaut, nelayan |
| Rungus | Petani |

3. **Kegiatan Ekonomi di Sabah dipengaruhi oleh kedudukan geografi / bentuk muka bumi.** **09**

4. Pendidikan Sabah mementingkan **kemahiran asas untuk berdikari** seperti mendaki, memburu dan memanjat.
5. **Ketua Kampung** digelar orang tua menjaga keharmonian masyarakat. **06**

**BACA KESEMUA NOTA INI, ANDA PASTI TIDAK RUGI.**

**Want a complete set of real PMR 2010 Tips which is more details and accurate?**
**Hurry, get our Mail Order Tips now with notes, sample questions and complete answers.**

WWW.ANDREWCHOO.EDU.MY